

LAPORAN SAMBUTAN HARI PENDUDUK SEDUNIA PERINGKAT KEBANGSAAN 2025

“Memperkasa Golongan Muda untuk Membentuk
Keluarga yang Mereka Inginkan dalam Dunia yang Adil
dan Penuh Harapan”

21 Julai 2025 | Isnin | Lanai Kijang, Bank Negara Malaysia,
Kuala Lumpur





Disediakan oleh:

Unit Pengurusan Data Penyelidikan

Bahagian Penyelidikan Kependudukan dan Keluarga

LEMBAGA PENDUDUK DAN PEMBANGUNAN KELUARGA NEGARA

10 Disember 2025



Telefon : +603-2613 7555



Fax : +603-2693 7250



Laman Sesawang : www.lppkn.gov.my



Emel : penduduk@lppkn.gov.my



Facebook : Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara



X : @lppkn

KANDUNGAN

1.0 PENDAHULUAN	4
2.0 UCAPAN PERASMIAN PENUTUP.....	5
3.0 UCAPTAMA	9
4.0 FORUM KEPENDUDUKAN	15
“MENANGANI KRISIS KEPENDUDUKAN: MENUJU MASA DEPAN YANG MAMPAN DAN INKLUSIF”	15
5.0 PROMOSI DAN LIPUTAN MEDIA.....	25
6.0 TINJAUAN PENDAPAT.....	33
7.0 MAKLUM BALAS PESERTA.....	34

1.0 PENDAHULUAN

Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) melalui Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara (LPPKN) terus komited meningkatkan kesedaran masyarakat terhadap isu-isu kependudukan yang kian mencabar, merangkumi hak kesihatan reproduktif, perubahan demografi, kesejahteraan keluarga dan pembangunan mampan. Realitinya, majoriti anak muda masih berhasrat untuk berkahwin dan membina keluarga, namun berdepan pelbagai kekangan seperti kos sara hidup yang tinggi, pekerjaan tidak stabil, akses penjagaan anak yang terhad serta kebimbangan terhadap masa depan. Justeru, penyelesaian yang diperlukan bukan sekadar dorongan untuk berkeluarga, tetapi pembentukan ekosistem sokongan yang inklusif dan mampan.

Isu kependudukan pada hari ini bukan lagi cabaran jangka panjang, sebaliknya merupakan krisis semasa yang menuntut tindakan dasar yang progresif. Kadar Kesuburan Jumlah (TFR) Malaysia kini hanya 1.7 anak, jauh di bawah paras penggantian 2.1, di samping merekodkan penurunan kelahiran lebih 11.0% pada suku pertama tahun 2025 berbanding tempoh sama tahun sebelumnya.

Bersempena sambutan Hari Penduduk Sedunia 2025, KPWKM melalui LPPKN dengan kerjasama Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM), Universiti Malaya (UM) dan United Nations Population Fund (UNFPA) telah menganjurkan majlis rasmi pada 21 Julai 2025 (Isnin) bertempat di Lanai Kijang, Bank Negara Malaysia, Kuala Lumpur. Uniknya, sambutan pada tahun ini turut diperluas ke peringkat negeri sepanjang Julai dan Ogos melalui seminar bertemakan kependudukan dan keluarga yang digerakkan oleh pejabat negeri LPPKN bersama rakan strategik di seluruh negara.

2.0 UCAPAN PERASMIAN PENUTUP

YB Datuk Seri Dr. Noraini Ahmad, Timbalan Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat mewakili Dato' Sri Hajah Nancy telah menyampaikan ucapan perasmian penutup sambutan Hari Penduduk Sedunia 2025 di Lanai Kijang, Bank Negara Malaysia.



“This year’s theme is not just a slogan. It is a call to action: to listen, understand, and support the aspirations of our young people — not with instruction, but with empathy.”

Dalam ucapan perasmian tersebut, beliau menekankan tentang perubahan demografi yang bukan hanya sekadar angka statistik, tetapi membawa implikasi besar kepada pembangunan negara.

Beliau turut menyatakan semakin ramai anak muda menangguhkan atau memilih tidak untuk membina keluarga kerana berdepan dengan tekanan hidup yang kini semakin mencabar. Antara sebabnya kerana kos sara hidup yang tinggi, pendapatan yang rendah, pinjaman pelajaran, rumah tidak mampu milik dan limitasi terhadap pusat jagaan anak.

Menurut Laporan *State of World Population 2025: The Real Fertility Crisis: The Pursuit of Reproductive Agency in a Changing World*” oleh UNFPA, hampir satu daripada lima orang dewasa di 14 negara menyatakan mereka mungkin tidak dapat memiliki bilangan anak yang mereka inginkan. Daripada jumlah ini, 39 peratus menyatakan kekangan kewangan sebagai halangan utama termasuklah kos sara hidup, penjagaan anak, perumahan dan ketidaktentuan pekerjaan.

Kerajaan sedar akan cabaran yang dihadapi anak muda yang ingin membina keluarga. Antara langkah yang telah diperkenalkan termasuklah cuti bersalin dan cuti paterniti, bantuan kewangan kepada keluarga berpendapatan rendah, serta penyediaan kemudahan penjagaan anak seperti TASKA. LPPKN juga menekankan kesedaran tentang kesihatan reproduktif dan kekeluargaan agar pasangan muda dapat merancang kehidupan berkeluarga dengan lebih yakin dan sejahtera.

Dalam menghadapi cabaran penurunan kadar kesuburan, Kerajaan melalui KPWK dan LPPKN telah mengambil langkah-langkah proaktif. Antaranya termasuk:

- Penggubalan dan pelaksanaan **Dasar Keluarga Negara** untuk memperkukuh institusi kekeluargaan;
- Penubuhan **Pusat Subfertility Negara** yang bakal beroperasi menjelang tahun 2029;
- Pelaksanaan **Program Bantuan Rawatan Kesuburan dan Advokasi Infertiliti (BuAI)** yang disasarkan kepada 30,000 pasangan menjelang 2025;
- **Subsidi TASKA dan cuti bersalin fleksibel** untuk menyokong pasangan muda; dan

- Program pendidikan kekeluargaan dan kesihatan reproduktif seperti **PEKERTI**, **SMARTSTART** dan **Kafe@TEEN**.

Usaha-usaha ini adalah sebahagian daripada pendekatan holistik yang inklusif dan mesra belia. Kita mahu anak-anak muda membina keluarga dalam suasana yang stabil, disokong oleh dasar yang relevan, dan dikelilingi oleh harapan, bukan kerisauan.

Beliau turut memaklumkan bahawa bersempena Hari Penduduk Sedunia tahun ini, satu forum penting bertajuk “Menangani Krisis Kependudukan” atau dalam Bahasa Inggeris bertajuk “*Addressing the Population Crisis: Towards a Sustainable and Inclusive Future*” telah diadakan. Beliau percaya dengan pengalaman dan pengetahuan panel jemputan boleh menjana dan membentuk idea yang kukuh dan responsif bagi penggubalan polisi berkaitan kependudukan dan keluarga.

Beliau turut memaklumkan bahawa sebagai susulan kepada forum ini, satu **Sesi Perbincangan Pakar (Expert Group Meeting)** akan turut diadakan. Sesi ini akan menghimpunkan pakar dalam bidang dasar sosial, ekonomi, kesihatan reproduktif dan kekeluargaan untuk merangka pelan tindakan menyeluruh bagi menangani isu kesuburan rendah.

Sambutan Hari Penduduk Sedunia tahun ini turut diperluas ke peringkat negeri – buat pertama kalinya. Sepanjang Julai dan Ogos, LPPKN negeri bersama agensi-agensi tempatan akan melaksanakan pelbagai aktiviti seperti forum dan seminar, melibatkan hampir 5,000 peserta.

Sebagai penutup ucapan, beliau berharap agar forum yang diadakan akan menjadi medan pertukaran idea yang bermakna, dan menyumbang kepada cadangan dasar yang mampan.



3.0 UCAPTAMA

Ucaptama telah disampaikan oleh YBrs. Dr. Julitta Onabanjo, Perwakilan Tetap UNFPA di Malaysia. Beliau telah mengupas dan menyoroti intipati yang terdapat dalam Laporan *State of World Population 2025: The Real Fertility Crisis: The Pursuit of Reproductive Agency in a Changing World*.



“Bringing a child into the world is only one step. The real challenge is raising them. And for a favourable upbringing, there must be a good environment and adequate infrastructure.”

Perasmian Laporan *State of World Population 2025: The Real Fertility Crisis: The Pursuit of Reproductive Agency in a Changing World* terbitan UNFPA sempena Hari Penduduk Sedunia 2025 merupakan satu penghargaan bagi pihak UNFPA.

Beliau berkongsi satu petikan daripada laporan ini:

“Bringing a child into the world is only one step. The real challenge is raising them. And for a favourable upbringing, there must be a good environment and adequate infrastructure.”

Kenyataan seorang lelaki berusia 30 tahun dari Paraguay ini mencerminkan realiti yang dilalui ramai anak muda di seluruh dunia yang sedang bergelut untuk membuat keputusan sama ada, bila, dan bagaimana mereka mahu membina keluarga dalam dunia yang semakin kompleks dan tidak menentu. Inilah fokus utama laporan tahun ini serta sambutan Hari Penduduk Sedunia 2025.

Kenyataan seorang lelaki berusia 30 tahun dari Paraguay ini mencerminkan realiti yang dilalui ramai anak muda di seluruh dunia yang sedang bergelut untuk membuat keputusan sama ada, bila, dan bagaimana mereka mahu membina keluarga dalam dunia yang semakin kompleks dan tidak menentu. Inilah fokus utama laporan tahun ini serta sambutan Hari Penduduk Sedunia 2025.

Sebagai Agensi Kependudukan dan Kesihatan Seksual dan Reproduktif Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (UNFPA), mandat mereka adalah untuk memastikan setiap kehamilan adalah dirancang, setiap kelahiran selamat, dan setiap potensi belia direalisasikan. Teras visi ini ialah agensi reproduktif.

Agensi reproduktif bermaksud keupayaan individu untuk membuat keputusan bermaklumat dan berdaya terhadap reproduksi mereka. Ia memerlukan persekitaran yang menyokong, di mana individu dan pasangan mempunyai akses kepada maklumat, perkhidmatan dan sokongan yang diperlukan untuk menentukan sama ada, bila, dan berapa jumlah anak yang diinginkan. Ini termasuk akses kepada pendidikan seks menyeluruh, kontraseptif berkualiti, penjagaan kesihatan maternal yang selamat, serta kehidupan bebas daripada keganasan berasaskan gender.

Adalah penting untuk diakui bahawa golongan muda, bersama-sama kita semua, kini sedang menempuh sebuah dunia yang sarat dengan perubahan luar biasa, di mana demografi global sedang berubah, transformasi digital mengubah cara kita berinteraksi, perubahan iklim semakin meruncing, dan pelbagai krisis berlapis terus berlanjutan. Kesemua faktor ini memberi kesan mendalam terhadap cara individu menempuh usaha mencapai agensi reprodktif. Inilah yang menjadi fokus utama Laporan *State of World Population 2025*.

Inti pati laporan ini adalah satu tinjauan menyeluruh secara dalam talian oleh YouGov yang melibatkan lebih 14,000 responden daripada 14 buah negara yang secara keseluruhannya merangkumi lebih 37 peratus daripada populasi dunia. Keempat belas negara ini mempunyai tahap pendapatan dan kadar kesuburan yang berbeza. Gambaran meluas dari segi geografi dan pembangunan ini memberikan kita pemahaman yang lebih jelas tentang realiti kesuburan global.

Dapatan utama daripada tinjauan ini menunjukkan bahawa tanpa mengira konteks demografi sesebuah negara, sama ada kadar kesuburannya tinggi atau rendah, kebanyakan orang masih menginginkan dua orang anak atau lebih. Namun begitu, hampir seorang daripada lima responden tidak menjangkakan dapat mencapai saiz keluarga yang diidamkan. Kebanyakan menjangkakan mempunyai anak yang lebih sedikit berbanding kehendak mereka, manakala sebahagian pula menjangkakan akan mempunyai lebih ramai anak.

Dalam kalangan negara yang disurvei di rantau ini, ramai individu berusia lebih 50 tahun menyatakan bahawa jumlah anak yang mereka miliki sepanjang hayat adalah kurang daripada jumlah ideal yang mereka kehendaki. Mereka mengakui bahawa pencapaian saiz keluarga mereka adalah lebih rendah berbanding aspirasi asal.

Oleh itu, laporan ini menegaskan bahawa krisis kesuburan sebenar bukanlah sekadar isu penurunan kelahiran, sebaliknya kerana terlalu ramai individu di seluruh dunia tidak dapat merealisasikan tahap kesuburan yang mereka kehendaki, atau dalam kata lain, matlamat pembentukan keluarga yang diimpikan.

Dalam kesemua 14 negara yang disurvei, halangan utama yang menghalang individu daripada merealisasikan matlamat pembentukan keluarga ialah faktor ekonomi.

- 2 daripada 5 responden menyatakan bahawa kekangan kewangan menyebabkan mereka, atau berkemungkinan akan menyebabkan mereka, mempunyai anak lebih sedikit daripada yang diinginkan.
- 1 daripada 4 menyatakan ketidakstabilan pekerjaan sebagai faktor.
- 1 daripada 4 pula menyebut kekangan perumahan seperti kekurangan ruang dan kos yang tinggi.
- Lebih 1 daripada 10 responden menyatakan ketiadaan pilihan penjagaan anak yang mencukupi dan berkualiti, serta kurangnya penglibatan pasangan dalam kerja rumah dan penjagaan anak, sebagai halangan.
- Lebih 1 daripada 5 menyatakan kebimbangan terhadap masa depan, termasuk konflik dan perubahan iklim, sebagai sebab mereka mempunyai anak yang lebih sedikit daripada kehendak asal.

Selain itu, hampir 1 daripada 3 orang dewasa pernah mengalami kehamilan tidak dirancang, yang menekankan wujudnya keperluan besar terhadap maklumat dan perkhidmatan kesihatan seksual serta reproduktif.

Jurang asas antara keinginan dan realiti ini menekankan keperluan mendesak untuk dasar yang bukan sahaja menghapuskan halangan sistemik tetapi juga memastikan wujudnya sistem sokongan menyeluruh agar individu dapat merealisasikan aspirasi reproduktif mereka.

Berdasarkan dapatan ini, jelas bahawa Laporan *State of World Population* tahun ini berkait rapat dengan tema global Hari Penduduk Sedunia 2025 iaitu “**Memperkasa Belia untuk Membina Keluarga yang Mereka Inginkan dalam Dunia yang Adil dan Penuh Harapan.**”

Anak muda yang optimis terhadap masa depan lebih cenderung mengejar kehidupan dan keluarga yang mereka idamkan. Namun, semakin ramai yang bimbang dunia yang bakal diwarisi oleh generasi akan datang tidak seadil dan sebaik dunia yang dinikmati oleh ibu bapa mereka.

Seperti yang disebut oleh anak muda dari Paraguay, mereka gusar sama ada mampu membesarkan anak dalam persekitaran yang baik. Malah, lebih 1 daripada 5 responden turut menyatakan kebimbangan tentang masa depan – termasuk konflik dan perubahan iklim – sebagai sebab untuk mempunyai anak lebih sedikit daripada yang diinginkan.

Sebagai pemimpin, pembuat dasar, ibu bapa dan masyarakat, kita perlu mendengar dan memahami aspirasi serta kebimbangan anak muda tentang masa depan reproduktif mereka, bukan sekadar membuat andaian. Menjadi tanggungjawab kita untuk memperkasa setiap individu, khususnya belia, agar dapat membuat pilihan reproduktif secara bebas dan bermaklumat dalam dunia yang adil dan penuh harapan.

Sebagai penutup, usaha mencapai agensi reproduktif dalam dunia yang sedang berubah adalah asas kepada kesejahteraan individu dan ketahanan demografi. Dalam perjalanan Malaysia menghadapi transisi demografi serta menuju aspirasi negara berpendapatan tinggi, agensi reproduktif perlu dianggap sebagai komponen teras pembangunan negara.

Mesej utama yang beliau tekankan adalah: jalan menuju agensi reproduktif memerlukan penghapusan halangan serta pembinaan persekitaran yang menyokong supaya setiap individu, khususnya belia, dapat berdaya untuk membina keluarga dan masa depan yang mereka inginkan. Akhirnya, matlamat kita ialah mewujudkan keadaan di mana setiap orang mampu membuat pilihan bebas dan bermaklumat tentang tubuh, keluarga, dan masa depan mereka. Hanya dengan itu kita dapat menangani “krisis kesuburan sebenar” dan memastikan agensi reproduktif untuk semua.



4.0 FORUM KEPENDUDUKAN

“Menangani Krisis Kependudukan: Menuju Masa Depan Yang Mampan dan Inklusif”

Majlis diteruskan dengan sesi forum, dengan kehadiran dua (2) ahli panel jemputan. Sesi forum ini dijalankan sebanyak tiga (3) pusingan dan setiap panel diberikan 10 minit untuk menjawab soalan yang diajukan oleh moderator.

Moderator:

YBrs. Tuan Haji Abdul Shukur bin Abdullah

Ketua Pengarah

Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara (LPPKN)

Ahli Panel:

1. YBhg. Dato' Sri Dr. Mohd Uzir bin Mahidin

Ketua Perangkawan

Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM)

2. YBrs. Dr. Vilashini Somiah

Pensyarah Kanan

Fakulti Sastera dan Sains Sosial

Universiti Malaya (UM)

FORUM HARI PENDUDUK SEDUNIA 2025

“Memperkasa Golongan Muda Untuk Membentuk Keluarga yang Mereka Inginkan Dalam Dunia yang Adil dan Penuh Harapan”

21 JULAI, 2025
ISNIN | 2.00 PETANG

LANAI KIJANG, BANK NEGARA MALAYSIA, KUALA LUMPUR

Moderator:
YBrs. Tuan Haji Abdul Shukur bin Abdullah
Ketua Pengarah
Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara

Panel 1:
YBhg. Dato' Sri Dr. Mohd Uzir bin Mahidin
Ketua Perangkawan
Jabatan Perangkaan Malaysia

Panel 2:
YBrs. Dr. Vilashini Somiah
Pensyarah Kanan
Fakulti Sastera dan Sains Sosial
Universiti Malaya

Panel 3:
YB Tuan Howard Lee Chuan How
Timbalan Presiden
Asian Forum of Parliamentarians on Population and Development (AFPPD), Malaysia

Logos: Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat; LPPKN; UNFPA; Universiti Malaya

Website: www.lppkn.gov.my

Social Media: f, X, @, v, lppkn

Objektif forum:

1. **Meningkatkan kesedaran** tentang realiti semasa krisis kependudukan di Malaysia, khususnya penurunan kadar kesuburan, penuaan penduduk dan perubahan struktur keluarga.
2. **Menganalisis cabaran struktur** yang menghalang golongan muda untuk membina keluarga seperti kos sara hidup, perumahan, penjagaan anak, dan kebimbangan terhadap masa hadapan.
3. **Mengemukakan perspektif pelbagai pihak** termasuk penyelidik dasar, ahli akademik, pemimpin belia dan penggubal undang-undang dalam merangka pendekatan yang inklusif dan responsif terhadap keperluan sebenar rakyat.

Bagi mencapai objektif yang ditetapkan, format forum pada kali ini adalah dalam bentuk **bual bicara dan soal jawab** antara moderator, ahli panel dan peserta.





Pusingan Pertama: Realiti & Naratif Baharu Kependudukan

Soalan 1: Malaysia kini berhadapan dengan penurunan kadar kesuburan yang berterusan, seiring dengan tekanan struktur seperti perumahan yang tidak mampu milik dan kos penjagaan anak yang tinggi. Dalam konteks ini, kita melihat semakin ramai pasangan muda memilih untuk menangguhkan perkahwinan atau tidak berkeluarga langsung. Bagaimana penurunan kadar kelahiran memberi kesan kepada imbangan antara kumpulan usia muda dan tua di Malaysia?

Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin:

Data statistik boleh dijadikan panduan dan refleksi bukan hanya di peringkat pembuat dasar malahan ianya penting bagi masyarakat dan golongan muda khususnya bertindak balas terhadap polisi dan program yang bersesuaian untuk dilaksanakan secara kolektif di peringkat akar umbi. Berdasarkan laporan yang diterbitkan oleh DOSM penduduk Malaysia kini adalah seramai 34.1 juta orang, di mana secara

puratanya terdapat 52 kelahiran hidup setiap jam berbanding kematian sebanyak 22 setiap jam. Namun, pada tahun 2052 dijangka kadar kematian adalah lebih tinggi berbanding kadar kelahiran. Berdasarkan unjuran, penduduk Malaysia akan sampai ke kemuncak pada tahun 2059 iaitu seramai 42.42 juta orang dan dijangka akan menurun pada 42.37 juta orang pada tahun 2060. Jangkaan hayat ketika lahir bagi lelaki dan wanita pada tahun 2024 adalah 73.0 tahun dan 77.8 tahun semakin meningkat berbanding 60 tahun lalu iaitu 62.4 tahun bagi lelaki dan 64.0 tahun bagi wanita. Trend umur perkahwinan pertama juga telah meningkat daripada 30.1 tahun bagi lelaki kepada 31.1 tahun bagi lelaki dan 27.5 tahun kepada 29.1 tahun bagi wanita peningkatan daripada tahun 2016 kepada 2023. Rentetan daripada peningkatan umur perkahwinan ini, menjadi salah satu faktor kepada penurunan TFR di Malaysia yang kini telah mencecah 1.73 orang anak. Hal ini berkait rapat dengan sosioekonomi negara dari segi struktur ekonomi, kadar inflasi dan tenaga buruh. Saiz keluarga semakin kecil, dan terdapat korelasi dengan kadar perbandaran serta gaya hidup moden.



Soalan 2: Terdapat persepsi umum bahawa generasi muda hari ini semakin tidak berminat dengan perkahwinan dan keluarga, seolah-olah mereka menolak nilai kekeluargaan. Namun realitinya mungkin lebih kompleks. Adakah mereka benar-benar menolak institusi keluarga, atau sebenarnya sedang mendefinisikan semula apa ertinya ‘keluarga’ dalam kehidupan mereka? Berdasarkan pengalaman dan interaksi Dr. bersama pelajar dan belia, apakah realiti yang mereka hadapi dan bagaimana mereka melihat masa depan berkeluarga?

Dr. Vilashini Somiah:

Belia tidak menolak konsep membina keluarga, namun mereka bergelut antara harapan dan jangkaan masyarakat yang tidak selari dengan realiti kehidupan sebenar. Kenaikan **kos sara hidup** seperti harga rumah yang tinggi, bayaran pinjaman pendidikan (PTPTN), dan keperluan harian menyebabkan mereka lebih fokus pada **kelangsungan hidup** berbanding perancangan keluarga. Definisi peningkatan kos harian yang sebenar adalah seperti tidak mampu untuk membeli keperluan asas seperti mengisi minyak kenderaan dan barangan keperluan bayi. Hal ini bukan hanya dilihat semata-mata daripada aspek kewangan tetapi kesediaan daripada segi kesihatan mental juga. **Krisis kesihatan mental**, terutamanya pasca pandemik COVID-19, menambah tekanan emosi seperti **anxiety** dan keresahan terhadap masa depan. Tekanan emosi boleh wujud daripada anxiety dan kemurungan kepelbagaian. Antara punca golongan muda melewati perkahwinan dan untuk mempunyai anak adalah kerana ketidakpastian tentang kestabilan dari sudut ekonomi, sosial dan global (contoh: konflik/perang/kewangan) pada masa hadapan. Walaupun ramai **sanggup berkahwin**, mereka **masih ragu-ragu untuk mempunyai anak** kerana persoalan kestabilan dan tanggungjawab jangka panjang. Ramai anak muda kini melihat keluarga sebagai suatu konsep komuniti yang mungkin boleh dibina dan bukan sahaja dilahirkan. Konsep **"family by choice"** semakin mendapat tempat – di mana sesetengah anak muda memilih untuk **menua bersama rakan, adik-beradik, atau komuniti yang rapat** tanpa perkahwinan tradisional. Konsep keluarga kini kian berubah pada persepsi orang muda. Terdapat frasa baru yang digunakan golongan muda yang dikenali sebagai “successful adulting” iaitu menjadi seorang dewasa yang berjaya. Justeru, penggubal dasar perlu menyesuaikan polisi mengikut realiti

masyarakat yang lahir dalam dunia digital serta kehidupan yang menggabungkan unsur fizikal dan digital.

Pusingan Kedua: Dasar & Sistem Sokongan

Soalan 1: Kita sering mendengar seruan supaya kerajaan menggubal dasar-dasar mesra keluarga, terutamanya bagi menangani isu kadar kesuburan yang semakin menurun. Namun begitu, merangka dasar yang benar-benar inklusif, kos efektif dan pada masa yang sama memberi impak yang signifikan kepada kehidupan keluarga muda bukanlah satu perkara yang mudah. “Bagaimana data dan dapatan terkini daripada DOSM memberi gambaran tentang keperluan dasar baru yang lebih responsif terhadap perubahan struktur penduduk negara, terutamanya dalam konteks kesuburan dan tenaga buruh?”

Dato’ Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin:

Berdasarkan statistik, kadar kelahiran semakin mengecil, perkahwinan semakin lewat dan juga umur kelahiran ibu yang lebih berusia. Jadi, kita hanya boleh mencapai **maksimum 42.38 juta penduduk pada tahun 2059**. Perlu ada dasar yang lebih kondusif dan bersesuaian bagi menangani isu ini. Sekiranya angka ini dapat dicabar melalui dasar-dasar yang dirangka membolehkan angka itu lebih tinggi daripada apa yang disasarkan. Antaranya penyertaan wanita dalam tenaga buruh masih agak perlahan iaitu sekitar 56.0% di bawah sasaran kerangka ekonomi yang disasarkan iaitu 60.0%. Jika dahulu, kita melihat polisi ini hanya terpakai di sektor Kerajaan, namun kini didapati polisi di sektor swasta juga lebih fleksibel terutamanya daripada aspek kemudahan cuti bersalin, cuti menjaga anak dan sebagainya. Di sesetengah negara, promosi yang positif mengenai perkahwinan dan kekeluargaan telah diketengahkan. Kadar kelahiran yang semakin mengecil memerlukan langkah membina persekitaran yang kondusif dan harmoni bagi menggalakkan pasangan untuk mempunyai anak. Kadar penyertaan wanita dalam tenaga kerja masih rendah — perlu digalakkan agar mereka lebih aktif secara ekonomi tanpa menjejaskan keinginan untuk berkeluarga. Tidak wajar mengenakan had bilangan anak, sebaliknya beri sokongan berasaskan pilihan keluarga.

Soalan 2: Dalam kebanyakan wacana mengenai keluarga dan kesuburan, fokus sering kali tertumpu kepada wanita dari aspek peranan ibu, penjagaan anak, hingga beban kerja di rumah. Namun, kita jarang benar-benar membincangkan secara terbuka tentang peranan lelaki dalam membina dan mengekalkan keluarga moden. Dalam konteks perubahan nilai generasi muda, apakah yang perlu kita ubah dalam naratif umum mengenai bapa, maskuliniti dan tanggungjawab dalam institusi keluarga? Adakah masyarakat kita bersedia menerima model ayah yang lebih aktif, penyayang dan terlibat, serta lebih setara dalam pengasuhan dan perancangan keluarga?

Dr. Vilashini Somiah:

Beban penjagaan secara tradisional dipikul oleh wanita dalam peranan ibu disebabkan oleh *maternal figure* yang dimiliki wanita. Oleh sebab itu, peranan lelaki selalunya tenggelam dalam naratif penjagaan ini kerana peranan lelaki selalunya dilihat sebagai pelindung dan pembiaya. Tambahan, terdapat satu terma di dalam Bahasa Inggeris yang dinamakan “pro-create” yang membawa maksud reproduksi. Ini adalah 3 kategori pemahaman peranan lelaki yang sangat kuno. Namun pada hakikatnya, kerja penjagaan yang tidak terlihat yang dilakukan oleh lelaki—seperti menjadi bapa tunggal, anak lelaki yang menjaga ibu bapa yang telah lanjut usia, dan adik-beradik yang menyokong OKU kurang diberi pengiktirafan. Ini merupakan beban dan tanggungjawab yang harus dipikul oleh lelaki. Konsep toksik maskuliniti yang diwujudkan dalam kalangan lelaki itu sendiri dianggap sangat toksik apabila lelaki mempunyai kepercayaan bahawa perlu menjadi kuat, perlu menjadi kaya dan perlu menjadi bijak pada setiap masa. Ini merupakan peranan yang sangat toksik dan perlu dihindari. Seseorang lelaki perlu mempunyai sifat maskuliti yang lebih bersifat penyayang. Di mana, mereka akan menjadi lebih terbuka untuk meluahkan perasaan, mengekspresi emosi dan tekanan yang mereka hadapi. Kita juga perlu membezakan antara konsep “**caring about**” (empati) dan “**caring for**” (tanggungjawab langsung) dalam konteks penjagaan keluarga. Kategori lelaki kurang upaya juga perlu diberi perhatian dalam kelompok maskuliti agar dasar yang dibangunkan lebih bersifat inklusif, adil dan saksama.

Pusingan Ketiga: *Way Forward & Inovasi*

Soalan 1: Kita sedar bahawa cabaran demografi bukan lagi sesuatu yang bersifat jangka pendek, malah memberi kesan mendalam terhadap hala tuju pembangunan negara dalam pelbagai aspek – daripada tenaga kerja, pendidikan, hingga kepada sistem sokongan sosial. Dalam era data raya dan pendigitalan, keupayaan kita untuk memahami dan bertindak balas terhadap perubahan penduduk amat bergantung kepada data yang tepat, bersepadu dan mudah diakses. “Bagi menghadapi cabaran jangka panjang seperti penuaan penduduk dan penurunan kesuburan, apakah pendekatan inovatif yang sedang dirancang oleh DOSM untuk menghasilkan data yang lebih dinamik dan ‘real-time’ bagi menyokong dasar yang lebih tangkas dan inklusif?”

Dato’ Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin:

Pada peringkat ini, senario atau statistik boleh mempengaruhi tindakan dan pola pemikiran rakyat Malaysia. Sebagai contoh, sekiranya ketika memandu di selekoh kita dapat melihat nama pemandu yang tidak dapat diselamatkan akibat kemalangan di selekoh, ini akan memberi tindak balas supaya pemandu perlu memperlahankan kenderaan apabila di selekoh. Oleh yang demikian, besarlah harapan saya sekiranya data-data yang dihasilkan sampai kepada semua bukan hanya di tempat-tempat tertentu sahaja. DOSM berharap maklumat serta data-data ini boleh disebarluas sama ada di bandar mahupun luar bandar. DOSM telah menyediakan alat statistik dan kajian indeks yang baharu untuk membantu perancangan seperti kalkulator bagi mengira perbelanjaan asas kehidupan wajar (PAKW) dan jangka hayat individu dan penerbitan Indeks Kebahagiaan yang terkini iaitu pada Ogos 2025. DOSM berpandangan keperluan menerbitkan metrik yang menumpukan pada tingkah laku (***behaviour statistics***), seperti kadar penjagaan oleh datuk nenek dan corak penggunaan masa yang mempengaruhi kehidupan keluarga. Konsep **Silver Economy** turut diketengahkan sebagai peluang ekonomi dan cabaran berkaitan populasi warga emas (berumur 50 tahun ke atas).

Soalan 2: Isu kependudukan di Malaysia semakin kompleks dan memerlukan perbincangan dasar yang lebih inklusif. Apakah bentuk intervensi dasar atau kempen kesedaran yang boleh membantu mengubah persepsi masyarakat bahawa isu kependudukan bukan sekadar isu “wanita” tetapi tanggungjawab kolektif?

Dr. Vilashini Somiah:

Perbincangan mengenai dasar polisi dalam isu kependudukan di Malaysia harus menjadi satu inisiatif yang lebih inklusif. Sebagai contoh, kita bermula dengan perubahan kecil seperti memperbaiki penggunaan bahasa misalnya seperti perbezaan antara Kadar Kesuburan dan Kadar Kelahiran. Mungkin ramai yang keliru dan kurang memahami akan dua terma ini. Kadar kesuburan merujuk kepada bilangan kelahiran hidup bagi 1,000 wanita yang berumur 15-49 tahun untuk melahirkan anak dalam setahun. Manakala, Kadar Kelahiran merujuk kepada bilangan kelahiran hidup dalam sesuatu tahun bagi setiap 1,000 penduduk. Para wanita mengalami pelbagai cabaran pada hari ini. Antaranya, ada antara wanita yang menghadapi masalah kesihatan seperti PICOS atau Endometriosis yang menjejaskan kesuburan mereka, namun, tidak sepatutnya menjadi halangan bagi mereka untuk terus menyumbang kepada masyarakat. **Tanggungjawab bagi mencapai matlamat agensi reproduktif bukan hanya terletak di bahu wanita sahaja, tetapi ia adalah tanggungjawab bersama semua masyarakat.**





SELAMAT MENYAMBU HARI PENDUDUK SEDUNIA 2025

Memperkasa Golongan Muda
untuk Membentuk Keluarga yang
Mereka Inginkan dalam Dunia yang
Adil dan Penuh Harapan"



UKK UNIT
KOMUNIKASI
KORPORAT
LPPKN

PENDUDUK SEDUNIA 2025

"Memperkasa Golongan Muda
untuk Membentuk Keluarga yang
Mereka Inginkan dalam Dunia yang
Adil dan Penuh Harapan"



UKK UNIT
KOMUNIKASI
KORPORAT
LPPKN

5.0 PROMOSI DAN LIPUTAN MEDIA

Hebahan melalui media massa (cetak dan penyiaran) dan media digital



09 JULAI 2025 | RABU
8.30 - 9.00 MALAM

LPPKN
LEMBAGA PENDUDUK DAN PEMBANGUNAN KELUARGA NEGARA

**SIAPKAH BELIA
BINA KELUARGA
IMPIAN?**

**PODCAST
KASIH
Lensa
KELUARGA**

TUAN HAJI ABDUL SHUKUR ABDULLAH
Ketua Pengarah,
Lembaga Penduduk dan Pembangunan
Keluarga Negara (LPPKN)

BERNAMA f X YouTube Bernama TV Instagram TikTok bernamatvofficial
Astro 502, unifi TV 631, MYTV 121, Facebook & YouTube BERNAMA TV



**KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,
KELUARGA DAN MASYARAKAT**

LPPKN
LEMBAGA PENDUDUK DAN PEMBANGUNAN KELUARGA NEGARA

Ikuti Siaran Langsung Sesi Temu Bual

spm
Nadi Seri Pagi
Selamat Pagi Malaysia

BERSAMA
YBRS. EN HAIRIL FADZLY BIN MD. AKIR
Timbalan Ketua Pengarah (Dasar),
Lembaga Penduduk dan Pembangunan
Keluarga Negara

TAJUK
**SAMBUTAN HARI PENDUDUK
SEDUNIA 2025**
"Memperkasa Golongan Muda Untuk
Membentuk Keluarga yang Mereka
Inginkan Dalam Dunia yang Adil dan
Penuh Harapan"

TARIKH & MASA
21 JULAI 2025 (ISNIN)
9.25 PAGI

**MALAYSIA
MADANI**

www.lppkn.gov.my f X Instagram YouTube lppkn







LEMBAGA PENDUDUK DAN PEMBANGUNAN KELUARGA NEGARA

Ikuti Siaran Langsung Sesi Temu Bual



Sentiasa Di Hati

BERSAMA

Encik Adzmel Mahmud
Pengarah
Bahagian Penyelidikan Kependudukan
dan Keluarga LPPKN

TAJUK

**GENERASI MUDA DAN
CABARAN MEMBINA KELUARGA**

TARIKH & MASA

**11 JULAI 2025 (JUMAAT)
10.30 PAGI**



 www.lppkn.gov.my



    [lppkn](#)



LEMBAGA PENDUDUK DAN PEMBANGUNAN KELUARGA NEGARA

Ikuti Siaran Langsung Sesi Temu Bual



Experience the Excitement

BERSAMA

Encik Ahmad Hashimi Mohammad
Ketua Penolong Pengarah
Bahagian Penyelidikan Kependudukan
dan Keluarga LPPKN

TAJUK

**WORLD POPULATION
DAY 2025**

TARIKH & MASA

**10 JULAI 2025 (KHAMIS)
11.15 PAGI**



 www.lppkn.gov.my



    [lppkn](#)



SIARAN MEDIA

KPWKM KOMITED ANGKAT ISU KEPENDUDUKAN KE TAHAP LEBIH TINGGI MELALUI FORUM DAN SEMINAR DI SELURUH NEGARA

KUALA LUMPUR, 21 JULAI – YB Dato' Sri Hajah Nancy Shukri, Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat hari ini menzahirkan komitmen untuk meningkatkan kesedaran masyarakat terhadap isu-isu kependudukan yang semakin mencabar, termasuk hak kesihatan reproduktif, perubahan demografi, kesejahteraan keluarga dan pembangunan mampan melalui penganjuran forum dan seminar kependudukan di seluruh negara. Iltizam ini dinyatakan dalam ucapan perasmian yang dibacakan oleh YB Datuk Seri Dr. Noraini Ahmad, Timbalan Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat mewakili Dato' Sri Hajah Nancy di Lanai Kijang, Bank Negara Malaysia.

Penganjuran forum ini adalah penting bagi memberi ruang refleksi dan perancangan strategi masa akan datang berdasarkan hujah serta pandangan daripada ahli panel berwibawa yang akan membentuk dasar penduduk dan polisi kekeluargaan yang lebih kukuh dan responsif. Bertemakan “Menangani Krisis Kependudukan: Menuju Masa Depan yang Mampan dan Inklusif”, forum peringkat kebangsaan ini dipengerusikan oleh YBrs. Tuan Haji Abdul Shukur Abdullah, Ketua Pengarah Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara (LPPKN) dengan dibarisi dua panel, YBhg. Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin, Ketua Perangkawan Malaysia dan YBrs. Dr. Vilashini Somiah, Pensyarah Kanan Fakulti Sastera dan Sains Sosial, Universiti Malaya.

Buat julung kalinya, Sambutan Hari Penduduk bakal dilaksanakan di peringkat negeri sepanjang bulan Julai dan Ogos dengan sokongan dan kerjasama rakan strategik tempatan bagi memupuk kepentingan data kependudukan, kekeluargaan dan kesihatan reproduktif menerusi penganjuran forum dan seminar. Siri seminar ini dijangkakan memberi manfaat kepada lebih 5,000 peserta yang terdiri dalam para pemegang taruh, ahli akademik dan wakil belia dalam merancang, menggubal dasar mahupun program di peringkat negeri mengenai isu kependudukan dan keluarga sekaligus dapat membantu dalam membuat perancangan bagi meningkatkan kesejahteraan keluarga dan masyarakat setempat.

Pada majlis yang sama, turut dilancarkan Laporan State of World Population 2025 terbitan The United Nations Population Fund (UNFPA) bertajuk “*The Real Fertility Crisis: The Pursuit of Reproductive Agency in a Changing World*” yang menggariskan cabaran dan peluang global dalam konteks kesuburan, pilihan reproduktif dan keadilan antara generasi. Pelancaran laporan di Malaysia ini merupakan penghormatan dan bukti kepercayaan terhadap komitmen Malaysia dalam menangani isu-isu kependudukan secara progresif dan berpaksikan bukti.

Turut hadir pada majlis ini, YBhg. Datuk Dr. Maziah Che Yusoff, Ketua Setiausaha KPWKM, YBhg. Dato Sri Rohani Karim, Pengerusi LPPKN, Dr. Julitta Onabanjo, Perwakilan Tetap UNFPA Malaysia dan Dr. Nurulhuda Mohd Satar, Dekan Fakulti Perniagaan dan Ekonomi, Universiti Malaya.

###

Disediakan oleh:
UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
LEMBAGA PENDUDUK DAN PEMBANGUNAN KELUARGA NEGARA

HARI PENDUDUK SEDUNIA 2025

“Memperkasa Golongan Muda untuk Membentuk Keluarga yang Mereka Inginkan dalam Dunia yang Adil dan Penuh Harapan”

“Empowering Young People to Create the Families They Want in A Fair and Hopeful World”

“Krisis sebenar bukan semata-mata penurunan kadar kesuburan, tetapi kegagalan sistem untuk menyokong pilihan reproduktif individu.”

Walaupun media dan ahli politik sering memberi amaran tentang “kejatuhan penduduk” dan “kepunahan manusia”, laporan State of World Population 2025 oleh UNFPA menegaskan bahawa masalah utama ialah terlalu ramai orang terutama golongan muda tidak dapat memenuhi hasrat untuk berkeluarga disebabkan halangan sosial, kewangan dan kesihatan.

Golongan muda sering dipersalahkan atas penurunan kelahiran, kononnya kerana mementingkan kerjaya atau bersikap mementingkan diri. Namun, tinjauan UNFPA-YouGov terhadap lebih 14,000 orang dari 14 negara mendapati kebanyakan mereka sebenarnya ingin mempunyai lebih anak, tetapi tidak mampu kerana beban kos hidup, tekanan masa depan dan kekurangan sokongan sistemik.

Dalam keadaan dunia yang semakin dilanda perubahan iklim, konflik dan ketidakpastian politik, ramai anak muda berasa seolah-olah masa depan mereka telah “diragut”. Mereka hilang keyakinan bahawa dunia yang bakal diwarisi oleh anak-anak mereka nanti akan lebih baik daripada dunia yang mereka warisi daripada ibu bapa mereka.

Penyelesaiannya bukan sekadar angka, tetapi keadilan antara generasi. Pemimpin perlu mendengar suara golongan muda dan menyediakan persekitaran yang membolehkan mereka membuat keputusan reproduktif secara bebas dan bermaklumat, serta meyakini bahawa anak-anak mereka nanti akan mewarisi dunia yang lebih baik.



MESEJ UTAMA SEMPENA HARI PENDUDUK SEDUNIA

1. Golongan muda mahu berkeluarga, tapi berdepan halangan

- Ramai golongan muda mahu berkahwin dan mempunyai anak, tapi terhalang oleh kos hidup tinggi dan masa depan tidak menentu.
- Beban kewangan, ketidakpastian pekerjaan dan perumahan, jadi sebab utama enggan melahirkan anak.
- Tindak balas negatif terhadap hak wanita juga menyumbang kepada semakin melebar jurang sikap antara lelaki dan wanita muda.
- Golongan muda miskin, migran dan komuniti minoriti lebih sukar capai impian berkeluarga.

2. Golongan muda perlu diperkasa untuk berdikari dan membina masa depan

- Pendidikan seksual dan reproduktif bantu golongan muda hadapi isu kesuburan & keluarga.
- Ramai golongan muda hanya capai kerja yang stabil & rumah mampu milik pada usia lewat.
- Dasar kebanyakan negara lebih fokus warga tua berbanding golongan muda kurang diberi perhatian.
- Perang, konflik keganasan & pandemik jejas peluang golongan muda belajar, bekerja & berdikari.


3. Penyelesaian sebenar: Dunia yang lebih adil dan penuh harapan

- Dasar perlu dibentuk berdasarkan data, realiti dan suara golongan muda sendiri, termasuk mengikuti perjalanan hidup reproduktif mereka hingga akhir.
- Pembuat dasar mesti mendengar dan melibatkan golongan muda secara langsung, kerana kebimbangan mereka terhadap masa depan akan mempengaruhi keputusan untuk berkeluarga.
- Polisi yang mengabaikan impian golongan muda boleh menyebabkan kehamilan tidak dirancang atau keputusan untuk tidak mempunyai anak langsung.
- Proses penggubalan dasar mesti inklusif melibatkan semua pihak termasuk golongan muda, warga emas, komuniti minoriti dan kumpulan rentan agar manfaatnya adil untuk semua.



FAKTA DAN ANGKA

Laporan State of World Population 2025: The Real Fertility Crisis menampilkan dapatan tinjauan global UNFPA-YouGov melibatkan lebih 14,000 responden di 14 negara, merangkumi lebih 37% populasi dunia. Kajian ini mendapati bahawa walaupun kebanyakan orang muda masih berhasrat untuk berkahwin dan mempunyai anak, ramai tidak dapat memenuhi impian tersebut akibat halangan seperti kos sara hidup, tekanan masa, ketidaktentuan ekonomi dan kekurangan sistem sokongan. Krisis sebenar bukan semata-mata kadar kelahiran yang menurun, tetapi kegagalan sistem untuk menyokong pilihan reproduktif secara bebas, bermaklumat dan adil. Untuk laporan penuh, sila layari: <https://www.unfpa.org/swp2025>



Dalam setiap negara yang dikaji, bilangan anak yang diinginkan

2 orang anak

(Responden yang tidak mempunyai anak telah ditanya: "Jika anda boleh memilih bilangan anak yang anda inginkan sepanjang hayat, berapakah jumlah ideal yang anda mahu?" Manakala responden yang sudah mempunyai anak telah ditanya: "Jika anda boleh kembali ke masa sebelum anda mempunyai anak dan memilih bilangan anak yang anda inginkan sepanjang hayat, berapakah jumlah ideal yang anda akan pilih?")

31 peratus

melaporkan mempunyai anak yang kurang daripada yang mereka harapkan

12 peratus

pula mempunyai anak yang lebih ramai daripada kehendak asal mereka.

(Respon dikumpulkan daripada individu berumur 50 tahun ke atas, iaitu kumpulan yang dianggap telah melalui keseluruhan fasa reproduktif mereka. Kumpulan ini menunjukkan jumlah anak sebenar mereka sering tidak sepadan dengan apa yang diinginkan.)

39 peratus

menyatakan faktor utama halangan mempunyai anak adalah kekangan kewangan. Faktor kedua paling kerap dilaporkan ialah pengangguran atau ketidaktentuan pekerjaan (21%) dan faktor ketiga, adalah berkaitan isu perumahan (19%).

1 daripada 5

berkata bahawa ketidaktentuan masa hadapan membuatkan mereka mempunyai anak yang lebih sedikit atau langsung tidak mahu anak.



1 daripada 3

pernah mengalami kehamilan yang tidak dirancang.



18 peratus

tidak dapat mengakses perkhidmatan kesuburan atau kesihatan reproduktif.



1 daripada 4

pernah melalui masa di mana mereka ingin mempunyai anak tetapi merasakan diri tidak mampu. Daripada jumlah itu, 40 peratus akhirnya terpaksa melupakan hasrat untuk mempunyai anak.



14 peratus

menyatakan mereka tidak akan mempunyai bilangan anak yang diinginkan kerana tidak mempunyai pasangan atau tiada pasangan yang sesuai.

6.0 TINJAUAN PENDAPAT

PENEMUAN TINJAUAN PENDAPAT UMUM SEMPENA SAMBUTAN HARI PENDUDUK SEDUNIA 2025

“Memperkasa Golongan Muda untuk Membentuk Keluarga yang Mereka Inginkan Dalam Dunia yang Adil dan Penuh Harapan”

Bersempena dengan Sambutan Hari Penduduk Sedunia 2025, Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara (LPPKN) telah menjalankan tinjauan pendapat umum secara talian pada 11 Julai hingga 30 Ogos 2025 bagi memahami aspirasi, halangan dan harapan masyarakat terhadap keinginan untuk mempunyai anak. Seramai 3,666 responden yang terdiri daripada warganegara Malaysia berumur 18 tahun dan ke atas telah terlibat dalam tinjauan ini, merangkumi 998 responden bujang (lelaki: 380 orang, wanita: 618 orang) dan 2,627 responden berkahwin (lelaki: 932 orang, wanita: 1,695 orang).



LENSA PENDUDUK BERKAHWIN



Harapan mencapai saiz keluarga yang diinginkan

Saya berhasrat membina keluarga dengan lima anak. Mereka perlu dibesarkan dalam persekitaran yang sihat, stabil dan berteraskan nilai-nilai kekeluargaan. Saiz keluarga ini menuntut perancangan rapi, kesediaan mental dan fizikal serta komitmen penuh. Bagi saya, kualiti keluarga lebih penting daripada bilangan.

-Perempuan, 38, Kelantan



LENSA PENDUDUK BUJANG

Persepsi masyarakat terhadap perkahwinan & pentingnya mempunyai anak




78.8% 

Menerima tekanan masyarakat mengenai anak dan perkahwinan

80.7% 



Berpendapat seseorang boleh bahagia tanpa anak

Lima (5) cadangan utama menggalakkan pasangan muda mempunyai anak



7.0 MAKLUM BALAS PESERTA

MAKLUM BALAS PESERTA PROGRAM SAMBUTAN HARI PENDUDUK SEDUNIA 2025



SAMPel PESERTA



1,439 Peserta

13 penganjuran di peringkat negeri termasuk Ibu Pejabat

JANTINA

Lelaki ♂

34.3%

Perempuan ♀

65.7%

KATEGORI UMUR

Bawah 18 tahun

0.5%

18 - 24 tahun

27.0%

25 - 34 tahun

16.5%

35 - 59 tahun

54.7%

60 tahun ke atas

1.3%

KATEGORI PESERTA

Wakil Kementerian / Agensi Kerajaan / Kerajaan / Badan Berkanun / GLC

64.3%

Pelajar

25.8%

Ahli Akademik

4.2%

NGO

3.0%

Badan Swasta

1.7%

Lain-lain

1.1%

Daripada keseluruhan peserta yang telah menghadiri program sambutan Hari Penduduk Sedunia 2025 peringkat kebangsaan dan juga negeri, seramai **1,439 orang peserta telah melengkapkan borang maklum balas program** yang disediakan secara dalam talian. Didapati lebih separuh daripada mereka yang telah melengkap borang maklum balas ini adalah peserta dalam kalangan kakitangan kerajaan / badan berkanun / GLC (64.3%), diikuti pelajar (25.8%), ahli akademik (4.2%), NGO (3.0%), kakitangan swasta (1.7%) dan lain-lain (1.1%).

Penemuan penilaian program terhadap reaksi peserta yang menghadiri sambutan Hari Penduduk Sedunia 2025 di seluruh negara adalah seperti berikut:

- sebanyak 59.6 peratus peserta berpendapat bahawa **kandungan program adalah bermanfaat**;
- sebanyak 53.0 peratus peserta berpendapat bahawa **aktiviti yang disediakan adalah menarik dan sesuai**;
- sebanyak 63.8 peratus berpendapat bahawa **tempat dan kemudahan yang disediakan oleh penganjur adalah selesa**;
- sebanyak 56.1 peratus peserta berpendapat bahawa **tempoh masa yang diperuntukkan untuk penganjuran program adalah bersesuaian dan mencukupi**; dan
- sebanyak 57.0 peratus peserta mengakui bahawa mereka **berminat untuk sertai program sambutan seperti ini pada masa akan datang**.

Selain daripada reaksi peserta terhadap penganjuran program, penilaian program turut mengukur peningkatan pengetahuan peserta setelah mengikuti program sambutan ini. Secara keseluruhannya, didapati sebanyak 51.4 peratus peserta mengakui bahawa pengetahuan dan kesedaran mereka mengenai **kepentingan untuk menyebarkan isu-isu kependudukan** telah meningkat setelah mengikuti program sambutan ini. Penemuan lain penilaian program adalah seperti berikut:

- sebanyak 49.3 peratus peserta mengakui bahawa pengetahuan mereka mengenai **isu-isu kependudukan peringkat nasional** telah meningkat setelah mengikuti program sambutan ini;
- sebanyak 45.0 peratus peserta mengakui bahawa pengetahuan mereka mengenai **isu-isu kependudukan peringkat antarabangsa** telah meningkat setelah mengikuti program sambutan ini;
- sebanyak 48.3 peratus peserta mengakui bahawa pengetahuan mereka mengenai **peranan golongan muda dalam mendepani cabaran kependudukan** telah meningkat setelah mengikuti program sambutan ini;
- sebanyak 46.2 peratus peserta mengakui bahawa pengetahuan mereka mengenai **implikasi penurunan kadar kesuburan penduduk** telah meningkat setelah mengikuti program sambutan ini; dan
- sebanyak 44.3 peratus peserta mengakui bahawa pengetahuan mereka mengenai **intervensi untuk menangani penurunan kadar kesuburan penduduk** telah meningkat setelah mengikuti program sambutan ini.

Antara cadangan penambahbaikan program yang dicadangkan oleh peserta adalah seperti berikut:

- mempelbagaikan aktiviti sampingan seperti kuiz secara dalam talian, sesi soal jawab bersama pakar jemputan dan regangan ringan (18.6%);
- memanjangkan tempoh masa program sehingga ke satu hari penuh ataupun dua (2) hari (17.7%);
- menganjurkan program seperti ini pada setiap tahun (15.7%);
- memperluaskan jemputan para peserta supaya terdiri daripada pelbagai lapisan latar belakang (11.3%);
- menambahbaik sesi forum dengan memilih panel yang menarik dan mengadakan aktiviti yang lebih interaktif (*hands on*) semasa forum sedang berlangsung (11.3%); dan
- memastikan kemudahan yang lebih kondusif terutamanya tempat letak kenderaan dan makan-minum semasa program (7.0%).

Selain daripada itu, antara cadangan pengisian aktiviti yang dianggap bersesuaian oleh peserta untuk dilaksanakan pada sambutan Hari Penduduk Sedunia pada masa akan datang adalah seperti:

- larian / sukaneka bertemakan kependudukan (20.8%);
- kempen / siri jelajah ke peringkat komuniti (20.8%);
- aktiviti kemasyarakatan (18.3%);
- pertandingan / peraduan / anugerah tokoh berkaitan (16.5%);
- festival / karnival kependudukan yang berskala besar (11.0%); dan
- kolaborasi strategik dengan agensi kerajaan lain / pihak swasta bagi penganjuran program pada masa akan datang (4.3%).

CADANGAN KEPADA KERAJAAN DAN PIHAK BERKEPENTINGAN

Populasi Malaysia dijangka mencapai kemuncak sekitar 42.38 juta menjelang tahun 2059 sebelum mula menurun pada tahun 2060. Justeru, cadangan untuk menangani isu kependudukan berdasarkan perbincangan forum adalah seperti berikut:

1. ANALISIS DATA DAN PEMANTAUAN

- Menganalisis data bagi mengenal pasti *hotspot kesuburan* — kawasan dengan kadar kesuburan yang lebih tinggi.
- Memperluaskan penggunaan papan pemuka (*dashboard*) berasaskan lokasi dan alat mudah alih untuk membantu proses membuat keputusan awam (contohnya, kalkulator jangka hayat mengikut daerah).
- Terbitkan metrik yang menumpukan pada tingkah laku (*behaviour statistics*), seperti kadar penjagaan oleh datuk nenek dan corak penggunaan masa.
- Kenal pasti daerah yang mempunyai ekosistem kondusif (perumahan mampu milik, kadar jenayah rendah, pendidikan berkualiti dan sambungan kukuh).

2. PERSEKITARAN SOSIOEKONOMI DAN INFRASTRUKTUR YANG MENYOKONG

- Mewujudkan persekitaran menyokong di kawasan tertentu (kawalan kos perumahan, kualiti hidup) agar tekanan kesihatan mental dapat ditangani.
- Polisi yang dibangunkan perlu disesuaikan mengikut realiti dunia digital & kehidupan hibrid (fizikal + digital).

3. SOKONGAN KELUARGA DAN NARATIF MASYARAKAT

- Mempromosikan kisah-kisah positif tentang kehidupan berkeluarga dengan lebih meluas untuk mengubah naratif negatif tentang pembentukan keluarga besar.
- Gunakan penanda aras antara daerah dan insentif seperti "Anugerah Keluarga" bagi menggalakkan inovasi serta pencapaian di peringkat tempatan.

4. KESAKSAMAAN GENDER DAN PERANAN LELAKI

- Peranan penjagaan yang saksama antara jantina agar tanggungjawab menguruskan rumahtangga dapat dikongsi bersama secara adil dan penuh kasih-sayang.
- Menggalakkan konsep *maskuliniti penyayang* iaitu hak lelaki menunjukkan kelemahan, kongsi penjagaan rumah, dan membesarkan anak secara bersama.
- Libatkan lelaki dalam rangka dasar penjagaan, jadikan cuti bapa dan kerja fleksibel sebagai kebiasaan bagi para bapa, serta galakkan model keibubapaan yang aktif dan penyayang.

5. PENYERTAAN WANITA DAN TENAGA KERJA

- Menyokong penyertaan wanita dalam tenaga kerja kepada 60% (berbanding 56.3% sekarang), sambil menyokong pembentukan keluarga.

6. PENUAAN POPULASI DAN EKONOMI

- Pertimbangkan untuk meneruskan kerja produktif melebihi usia persaraan tradisional serta merancang peranan yang sesuai untuk tempoh hayat yang lebih panjang dan sumbangan kepada ekonomi.



